

Cukai rokok RM3.5 bilion

Metro 17/13 Ms 28

Kota Belud: Kastam Diraja Malaysia (KDRM) mengutip RM3.5 bilion cukai rokok yang menyumbang 11 peratus daripada keseluruhan RM32.3 bilion kutipan hasil jabatan itu sekali gus menjadi penyumbang kedua terbesar selepas kutipan cukai kenderaan.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan berkata, kegiatan penyeludupan rokok menyebabkan kerajaan kehilangan pendapatan kira-kira RM2 bilion setiap tahun.

“Saya meminta KDRM mencari kaedah terbaik termasuk memberi pene-

ngan dan pendidikan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) supaya dapat membantu membanteras kegiatan penyeludupan rokok.

“Penerangan dan pendidikan berterusan ini penting supaya PBT mampu menjalankan tugas penguatkuasaan di kawasan berisiko yang menjadi la-

luhan masuk penyeludup ke negara ini,” katanya selepas Majlis Perasmian Program Khidmat Bakti Masyarakat

2013 KDRM di Kampung Kuala

Abai, di sini, kelmarin. Abdul Rahman berkata,

pendidikan dan penerangan berterusan kepada PBT dapat membantu

KDRM meningkatkan kesedaran rakyat terhadap usaha dan kepentingan membasmi penyeludupan.

“Saya sudah meminta Timbalan Ketua Pengarah KDRM Datuk Matrang Suhaili memikirkan kaedah terbaik memberi penerangan dan pendidikan kepada PBT seluruh negara mengenai perkara ini.

“Di Sabah, penyeludupan terutama membabitkan rokok sangat berleluasa sehingga menuntut PBT mewujudkan jalinan kerjasama erat dengan KDRM bagi membanterasnya,” katanya.

Menurutnya, dalam perkara ini, PBT boleh membantu kastam melaksanakan undang-undang sedia ada supaya individu yang didapati menjual rokok seludup dikenakan tindakan.

FAKTA
Penyeludupan
akibatkan kerugian
hasil kira-kira RM2
bilion setiap tahun